

Perlaksanaan Kurikulum Tajwid di Sekolah-Sekolah Pondok Negeri Perak

The Implementation of Tajwid Curriculum in Perak Cottage Schools

Abd Rahman Abd Ghani, Misnan Jemali, Mohd Noor Daud & Abdul Munir Ismail

Universiti Pendidikan Sultan Idris

Email : abdulghani@jpphb.upsi.edu.my

Abstrak

Kajian ini membincangkan mengenai perlaksanaan kurikulum tajwid al-Quran di sekolah-sekolah pondok negeri Perak. Ia bertujuan untuk mengenalpasti pencapaian pelajar dan kesesuaian kandungan kurikulum mata pelajaran tersebut. Kajian ini berbentuk kuantitatif di mana sejumlah 250 borang soal selidik telah diedarkan secara rawak kepada responden yang merupakan pelajar di sekolah-sekolah yang terpilih. Ia melibatkan tujuh buah sekolah pondok sama ada yang telah berdaftar dengan Jabatan Agama Islam Perak (JAIPk) atau belum. Data kuantitatif dianalisis secara deskritif dengan menggunakan perisian Statistical Package For Social Science (SPSS) version 20.0. Hasil kajian mendapati bahawa perlaksanaan kurikulum yang dijalankan di sekolah-sekolah pondok negeri Perak berada pada tahap yang sangat baik di mana kebanyakkan responden bersetuju bahawa kandungan kurikulum tajwid al-Quran sangat sesuai dan hasil pembelajarannya juga sangat berkesan.

Kata Kunci Kurikulum Tajwid, Sekolah Pondok, Perak

Abstract

This study discusses the implementation of the tajwid curriculum for Koran recitation in Perak cottage schools. It aims to identify students' achievement and the relevance of the curriculum content. This was a quantitative study in which a total of 250 questionnaires were distributed randomly to respondents who were students in the selected schools. It involved seven cottage schools which either had been registered or had not been registered with the Perak Islamic Religious Department (JAIPK). The quantitative data was analyzed descriptively using Statistical Package for Social Sciences (SPSS) version 20.0. The study has found that the implementation of the tajwid curriculum in cottage schools of Perak has been very good where most respondents agreed that the content of the curriculum recitation of the Koran was relevant and lessons objectives were also found very efficient.

Keywords Tajwid Curriculum, Cottage school, perak

Pendahuluan

Sekolah Pondok merupakan sekolah yang mempunyai sistem pendidikan tradisional yang banyak ditubuhkan di Malaysia, Indonesia (dikenali sebagai pesantren) dan di Thailand (Patani). Sistem pendidikan ini berteraskan kurikulum pengajian Islam dan pelajar-pelajarnya tinggal di Pondok. Kemasukan pelajar-pelajar di sekolah Pondok tanpa mengira had usia dan latar belakang pendidikan dan boleh mendaftar masuk pada bila-bila masa. Kurikulum disekolah ini menekankan aspek asas-asas ibadah fardu ‘ain dan fardhu kifayah. Ini telah ditegaskan oleh Abdullah Ishak (1990) yang menyatakan bahawa pendidikan Pondok pada zaman tersebut adalah berteraskan Islam hasil daripada kedatangan agama suci tersebut ke rantau Asia yang berkembang sehingga ke Melaka. Keberkesanan sistem pengajaran dan pembelajaran sekolah Pondok telah terbukti apabila telah melahirkan ramai ulama di Malaysia, yang menabur bakti terhadap anak bangsa. Sistem pengajian Pondok di Malaysia sebenarnya telah wujud sejak zaman kegemilangan Empayar Melaka lagi.

Latarbelakang Kajian

Kajian ini membincangkan perkara yang berkaitan dengan kurikulum sekolah pondok. Pondok merupakan institusi yang sudah lama bertapak di nusantara dan banyak penyebaran dakwah yang dilakukan oleh para ulama Aceh, Pattani, Terengganu Melaka dan lain. Hal yang demikian, kajian yang telah dilakukan oleh Mohd Zaidi Abdullah (2009) yang bertajuk Sistem Pengajian Tradisi dan Institusi Pondok telah membuktikan mengenai metode pembelajaran tradisional yang diamalkan di sekolah-sekolah Pondok yang berbeza sama sekali dengan metode pembelajaran moden yang dipraktikkan masa kini, mengenai pencapaian tokoh-tokoh ulama nusantara seperti di Aceh, Pattani, Terengganu, Melaka dan lain-lain lagi.

Sejarah pendidikan di Malaysia disebutkan bahawa sistem pendidikan tertua ialah pengajian al-Quran. Jika diteliti pada kelahiran ulama seperti Syeikh Daud Patani(Patani), maka didapati telah wujud pengajian pondok. Pengajian Pondok berkembang dari pengajian di masjid yang menjadi medium pertemuan dan hubungan masyarakat Islam. Pengajaran keagamaan diadakan suapaya masyarakat setempat lebih memahami hukum-hakam, pegangan akidah yang benar dan syariat betul. (Shafie, 1977).

Kajian Literatur

Secara umumnya, terdapat beberapa kajian yang telah dijalankan mengenai institusi Pondok, namun jumlahnya masih terlalu sedikit dan skop kajiannya tidak begitu meluas. Kebanyakan kajian yang telah dilakukan lebih menekankan aspek tokoh-tokoh yang mengasaskan pengajian Pondok ini serta sedikit yang berkaitan dengan kurikulum, berbeza dengan kajian ini yang lebih memfokuskan kepada aspek kurikulum usuluddin sepenuhnya. Kajian lepas ini telah dibahagikan mengikut tema iaitu kurikulum, sejarah Pondok dan sumbangan tokoh.

Dari aspek kurikulum, Abdullah Muhammad Zain (2005) telah membuat satu kajian yang bertajuk “Pendidikan Islam di Malaysia dari Pondok ke Universiti”. Kajian ini membincangkan mengenai sistem yang diguna pakai oleh sekolah Pondok dalam pengajaran adalah adalah berbentuk *halaqat*, selain dari kitab yang di guna pakai adalah sama dengan kitab yang di pakai oleh intitusi-institusi pengajian tinggi dari Timur Tengah seperti Universiti al-Azhar. Kurikulum yang diguna pakai juga kurang teratur dan lebih ditumpukan kepada aspek *ukhrawi* ilmu agama sahaja. oleh yang demikian mereka agak ketinggalan dalam bidang akademik kerana menganggap

ia lebih kepada *duniawi*. Sukatan pelajaran pula agak lemah di mana tiada sukatan tertentu dan kitab-kitab yang diguna dibaca awal muka surat sehingga akhir dan mengambil masa yang agak lama di mana terdapat pengulangan serta pertindihan topik hingga tiada hala tuju dan pengajaran dari guru juga tidak sistematik.

Kajian yang dijalankan oleh Dr. Misnan Jemali, Dr. Ibrahim Hashim dan Ishak Ismail (2010) yang bertajuk hubungan antara amalan pembelajaran dengan pencapaian penguasaan kitab *turath* dalam kalangan pelajar IPTA, satu perbandingan antara pelajar STAM (pelajar lepasan Pondok) dan STPM (lepasan dari SMKA, dan lain-lain), hasil kajian mendapati bahawa terdapat perbezaan yang ketara dari aspek penguasaan menterjemah kitab *Fath Muin* antara pelajar STAM dengan pelajar STPM. Kajian ini membincangkan keberkesanaan pelajar Pondok dalam menguasai ilmu menterjemah kitab iaitu kitab *fathul mu'in*. Hal ini jelas terdapat perbezaan kajian yang dilakukan penyelidik dengan kajian ini iaitu penyelidik mengkaji pelaksanaan kurikulum usuluddin sekolah Pondok, manakala pengkaji berkaitan keberkesanan sistem pengajian di Pondok dalam menterjamah kitab *fathul mu'in*.

Md Zuki bin Hashim, 1997, "Pengurusan Institusi Pengajian Pondok Di Daerah Baling, Suatu Analisis", kajian yang dilakukan adalah fokus kepada sistem pengurusan dan kurikulum, kewangan dan sumber manusia Pondok di baling Kedah. Hal yang demikian, kajian ini membincangkan perkara yang berkaitan dengan suatu sistem penambahbaikan untuk pengurusan institusi pengajian Pondok di daerah Baling. Kajian yang dilakukan berbeza dengan pengkajian pelaksanaan kurikulum usuluddin sekolah-sekolah Pondok di negeri Perak.

Seterusnya kajian yang dilakukan oleh Omar Bin Abu Khari, (2006) yang mengkaji tajuk Pengajian Tafsir di Institusi Pondok : Kajian Terhadap Tiga Buah Pondok di Negeri Kedah. Kajian yang dilakukan Omar Bin Abu khairi ini membincangkan hal yang berkaitan dengan sejarah kemunculan institusi Pondok di Tanah Melayu, perkembangan institusi Pondok di negeri Kedah, sejarah ringkas beberapa pondok Madrasah al-Rahmaniah, madrasah Nur-Islah dan Madrasah al-Zuhudiah, pengajian tafsir, sistem yang digunakan di Pondok ialah sistem umumi dan nizami, pelaksanaan kurikulum pengajian tafsir di tiga buah pondok tersebut.

Seterusnya, sejarah pondok ialah kajian yang dilakukan oleh Arba'iyah Mohd Nor (2011) dalam kajianya yang bertajuk "Perkembangan Pendidikan Islam di Kelantan" juga membahaskan tentang perkembangan pengajian Pondok di negeri Kelantan, merangkumi sejarah permulaannya yang diasaskan oleh Tok Pulai Chondong yang telah membina sebuah Pondok di Pulai Chondong. Namun ada juga pendapat yang mengatakan bahawa orang pertama yang membina sekolah Pondok di negeri Kelantan ialah Haji Ismail di Machang semasa pemerintahan Long Jenal. Selepas itu barulah terbina Pondok-pondok yang lain seperti Pondok Tok Bachok di Bachok yang diasaskan oleh Haji Othman Haji Muhammad (1900 an), Pondok Haji Abdul Malik di Kg Sungai Pinang Tumpat yang diasaskan oleh Haji Abdul Malik Hasan (1907), Pondok Haji Yusof di Pulau Ubi Tumpat yang diasaskan oleh Tuan Haji Yusof (1908) dan lain-lain lagi selepas itu. Kajian ini mempunyai persamaan dari segi kajian Pondok iaitu perkembangan Pondok, manakala kajian yang dilakukan penyelidik adalah berbeza iaitu penyelidik mengkaji pelaksanaan kurikulum usuluddin sekolah Pondok di negeri Perak, manakala kajian yang dilakukan pengkaji ialah di negeri Kelantan.

Tuntasnya, Kajian-kajian yang terdahulu ini mempunyai sedikit persamaan dengan kajian ini, namun kajian ini lebih memfokuskan kepada perlaksanaan kurikulum secara menyeluruh. Dengan dikemukakan kajian-kajian yang terdahulu ini sedikit sebanyak membantu untuk mengukuhkan lagi kajian yang dilakukan oleh penyelidik.

Penyataan Masalah

Pertumbuhan sekolah-sekolah pondok khususnya di Perak merupakan satu perkembangan yang positif dalam konteks penyebaran ilmu di Malaysia. Namun tidak dapat dinafikan bahawa sekolah-sekolah aliran ini menghadapi berbagai-bagai masalah.

Kurikulum tidak teratur dan lemah. Ini dibuktikan dengan kajian yang telah dilakukan oleh Abdullah Muhammad Zain (2005) yang bertajuk Pendidikan Islam di Malaysia dari Pondok ke Universiti mendapatkan kurikulum yang diguna pakai di Pondok kurang teratur dan lebih menumpukan kepada aspek *ukhrawi* ilmu agama sahaja. oleh yang demikian mereka agak ketinggalan dalam bidang akademik kerana menganggap ia lebih kepada *duniawi*. Dari sudut sukanan pelajaran pula agak lemah di mana tiada sukanan tertentu dan kitab-kitab yang diguna dibaca awal muka surat sehingga akhir dan mengambil masa yang agak lama di mana terdapat pengulangan serta pertindihan topik hingga tiada hala tuju dan pengajaran dari guru juga tidak sistematisik.

Selain itu, peruntukkan masa yang tidak sesuai juga menjadi masalah dalam pelaksanaan kurikulum. Ini dibuktikan melalui kajian Abdul Hafiz Abdullah (2001) yang menyatakan bahawa terdapat matapelajaran yang tertentu yang hanya diajarkan dalam masa kurang dari 30 minit, sedangkan pembelajaran tafsir lazimnya memerlukan masa yang lebih lama dari itu. Sebagai contoh, di Pondok Sungai durian hanya memperuntukkan masa selama 10 minit sahaja bagi pembelajaran Kitab *Baydawi*. Waktu pembelajaran tafsir juga mempengaruhi kehadiran. Kuliah tafsir pada sesi pagi lebih ramai berbanding kuliah pada waktu malam. (Abdul Hafiz Bin Abdullah 2001).

Pelajar tidak menguasai kurikulum terutama kemahiran bahasa Arab. Ini dibuktikan melalui kajian yang dijalankan oleh Misnan Jemali, Ibrahim Hashim dan Ishak Ismail (2010) yang bertajuk hubungan antara amalan pembelajaran dengan pencapaian penguasaan kitab *turath* dalam kalangan pelajar IPTA, satu perbandingan antara pelajar STAM (pelajar lepasan Pondok) dan SPM (lepasan dari SMKA, dan lain-lain). Kajian ini menggunakan kitab *Fath Mu'in* sebagai sampel kajian dan hasil kajian mendapatkan bahawa terdapat perbezaan yang ketara dari aspek penguasaan menterjemah kitab *Fath Muin* antara pelajar STAM dengan pelajar SPM. Kajian menunjukkan bahawa pencapaian pelajar SPM (23.0%) lebih tinggi penguasaannya dalam menterjemahkan kitab *Fath Muin* yang digunakan di Pondok berbanding dengan pelajar STAM (14.4%).

Kelemahan pedagogi guru Pondok. Ini dibuktikan dari hasil kajian yang telah dilakukan oleh Abdullah Muhammad Zain (2005) yang mendapatkan pengajaran yang dilakukan oleh guru Pondok tidak sistematisik. Kajian yang dilakukan oleh Abdul Hafiz Bin Abdullah, (2001) juga mendapatkan guru-guru bukan sahaja terikat dengan sebuah kitab sahaja, malah penghuraianya juga tidak mengaitkan dengan isu-isu semasa. Oleh yang demikian pengetahuan pelajar dalam bidang tafsir terhad kepada apa yang terdapat dalam kitab sahaja. Guru-guru juga tidak memberi penjelasan yang terperinci semasa mengajar, terutamanya dalam memberi makna-makna *mufradat*, *khilaf* pendapat dan juga terhadap ayat-ayat dan hukum-hukum yang umum. Ini menyebabkan pelajar kurang memahami huraian secara terperinci.

Selain itu, guru juga tidak mengambil kira aras pelajar. Masalah berlaku dalam pembelajaran tafsir apabila ramai pelajar yang hadir tidak membawa kitab tafsir disebabkan guru menggunakan kitab yang sukar diperolehi di pasaran dan hanya sebilangan kecil sahaja yang memilikinya. Sebagai contoh, di Pondok Sungai durian, apabila kitab *Tafsir al-Baydawi* dalam bahasa Melayu (Jawi) digunakan ia lebih menarik minat pelajar terutamanya golongan tua, tetapi golongan muda hanya sebilangan kecil sahaja. Apabila kitab *Tafsir Safwat al-Tafasir* digunakan,

ia hanya dihadiri oleh sebahagian pelajar-pelajar Pondok sahaja kerana tidak mempunyai kitab dan sukar diperolehi di kedai-kedai buku. Manakala golongan tua tidak berminat, tiada terjemahan satu persatu yang menjadi golongan tua tidak memahami isi kandungan kitab dan kandungannya terlalu banyak masalah-masalah semasa. (Abdul Hafiz Bin Abdullah, 2001)

Masalah yang dihadapi dalam sistem pengajian Pondok ini tidak menghalang masyarakat menghantar anak-anak mereka untuk belajar dalam institusi ini. Ini terbukti apabila Pondok masih terdapat sehingga sekarang. Selain itu, Pondok juga berjaya melahirkan ‘ulama-ulama dalam bidang pengajian Islam walaupun terdapat kelemahan-kelemahan yang telah dinyatakan. Bertitik tolak dari isu dan masalah yang dinyatakan di atas, kajian pelaksanaan kurikulum di sekolah-sekolah Pondok di negeri Perak perlu dijalankan.

Objektif dan Persoalan

Objektif kajian yang ingin dicapai ialah:

1. Mengenalpasti pencapaian kurikulum tajwid al-Quran di sekolah-sekolah Pondok negeri Perak.
2. Mengenalpasti keberkesanan kurikulum tajwid al-Quran di sekolah-sekolah Pondok negeri Perak.

Persoalan kajian yang difikirkan sesuai dan bertujuan mencari jawapan bagi merealisasikan objektif kajian yang ingin dikaji adalah melihat kepada:

1. Bagaimanakah pencapaian kurikulum tajwid al-Quran di sekolah-sekolah Pondok negeri Perak?
2. Sejauhmanakah keberkesanan kurikulum tajwid al-Quran di sekolah-sekolah Pondok negeri Perak?

Metodologi Kajian

Rekabentuk Kajian

Kajian ini adalah bersifat kuantitatif. Kaedah kuantitatif menggunakan satu set soal selidik yang terdiri daripada dua bahagian. Bahagian A mengandungi profil responden, manakala bahagian B menfokuskan konstruk yang dikaji.

Instrumen Kajian

Instrument yang akan dibina dan digunakan oleh penyelidik untuk kajian ini ialah soal selidik terhadap pelajar. Soal selidik terdiri daripada dua bahagian. Bahagian A profil responden : tahun pengajian, jantina, umur, lokasi, status perkahwinan dan pekerjaan. Bahagian B pula ialah soal selidik yang memfokuskan kepada falsafah kurikulum, matlamat, objektif, kandungan, pelaksanaan, dan penilaian.

Kajian Rintis

Kajian rintis telah dijalankan di salah sebuah sekolah pondok di negeri Perak. Instrumen kajian rintis ini menunjukkan skor *Cronbach's Alpha* yang tinggi iaitu 0.986. Ini menunjukkan bahawa soal selidik ini boleh difahami dan digunakan oleh responden dalam kajian ini.

Populasi dan sampel kajian

Tujuan persampelan Gall, Gall & Borg (2005) menegaskan bahawa tidak semestinya semua ahli populasi digunakan sekiranya daripada sampel sudah dapat memberi gambaran untuk memahami sesuatu masalah dan fenomena yang berlaku dalam populasi terbabit. Manakala Othman (2001) menjelaskan bahawa dalam menentukan saiz sampel, perkara penting ialah sampel boleh mewakili dengan baik populasi yang dikaji dan rekabentuk kajian yang dipilih.

Kajian ini melibatkan 177 pelajar di tujuh buah sekolah Pondok di negeri Perak yang terdiri dari empat buah sekolah yang berdaftar dengan Jabatan Agama Islam Perak (JAIPk) dan tiga buah sekolah yang tidak berdaftar dengan JAIPk. Sebanyak 250 set soal selidik telah diedarkan dan daripada jumlah tersebut hanya 177 set soal selidik yang dikembalikan. Responden kajian ini terdiri daripada pelajar lelaki dan wanita yang dipilih secara rawak.

Lokasi kajian

Kajian ini melibatkan tujuh buah sekolah Pondok di negeri Perak iaitu:

- a) Pondok yang berdaftar dengan JAIPk
 - i. Pondok Al-Ridzuan Kuala Kangsar
 - ii. Pondok Pengajian Darul Mubarak Sri Iskandar
 - iii. Pusat Pengajian Umumi Al-Hidayah Parit Buntar
 - iv. Pengajian Pondok Al-Amin Tapah
- b) Pondok yang tidak berdaftar dengan JAIPk
 - i. Pondok Pak Teh Pangkalan Hulu Gerik
 - ii. Pondok Hidayatullah Lekir Setiawan
 - iii. Pondok Al-Ja'far Gopeng

Tatacara Pengumpulan dan Penganalisaan

Penyelidik mendapatkan kebenaran daripada pihak institusi Pondok berkenaan dengan menghantar surat kebenaran dan juga melalui perbualan telefon untuk menunjukkan kajian di tempat tersebut. Penyelidik akan menjalankan kajian setelah mendapat persetujuan daripada pihak mudir ataupun pengurus institusi Pondok berkenaan.


Data kuantitatif dianalisis secara deskritif dengan menggunakan perisian *Statistical Package For Social Science (SPSS) version 20.0.* Instrumen soal selidik dianalisis dengan menggunakan *statistic* deskriptif untuk melihat peratusan, min dan sisihan piawai.

Analisis Dapatan Kajian

Demografi Pelajar


Carta 1 di bawah menunjukkan bahawa dalam kalangan 177 pelajar sekolah pondok, 63% (111 orang) terdiri daripada pelajar lelaki. Manakala selebihnya iaitu 37% (66 orang) terdiri daripada pelajar perempuan. Ini membuktikan bahawa secara majoritinya pelajar sekolah pondok di negeri Perak didominasi oleh golongan lelaki.

Carta 1: Jantina Pelajar




Carta 2 di bawah menunjukkan keseluruhan majoriti pelajar sekolah pondok di dalam kajian ini adalah berumur di antara 13-17 tahun dengan berjumlah 78 orang (44%). Kemudian diikuti umur 56 tahun ke atas iaitu seramai 42 orang (24%), 18-25 tahun seramai 32 orang (18%), bawah 12 tahun seramai 13 orang (7%), 26-40 tahun seramai 9 orang (5%), dan diakhiri oleh kumpulan umur 41-55 tahun iaitu seramai 3 orang (2%) sahaja. Maka dapat disimpulkan di sini bahawa golongan remaja merupakan golongan yang paling ramai belajar di sekolah pondok manakala daripada segi golongan umur 26-55 tahun terdapat penurunan bilangan dan kemudian kembali meningkat pada golongan umur 56 tahun ke atas.

Carta 2: Umur Pelajar




Carta 3 di bawah menunjukkan status pelajar sekolah pondok yang mana 73% (129 orang) adalah bujang, 16% (29 orang) sudah berkahwin, dan 11% (19 orang) dalam kategori lain-lain iaitu duda dan janda. Hal ini disebabkan majoriti pelajar sekolah pondok adalah remaja maka wajarlah status perkahwinan bujang merupakan status perkahwinan tertinggi di dalam kajian ini.

Carta 3: Status Perkahwinan Pelajar



Carta 4 di bawah menunjukkan jumlah tahun pengajian yang dilalui oleh pelajar sekolah pondok. Berdasarkan jadual, dapat disimpulkan bahawa kebanyakan pelajar iaitu seramai 115 orang(65%) menamatkan pengajian di sekolah pondok pada jangka masa 1-3 tahun. Diikuti seramai 41 orang(23%) yang memilih untuk menamatkan pengajian dalam tempoh 4-6 tahun. Namun, terdapat juga pelajar yang memilih untuk menamatkan pengajian dalam tempoh yang lebih lama iaitu 7-9 tahun, 10-12 tahun , dan 13 tahun ke atas yang mana masing-masing seramai 7 orang(4%). Daripada segi pemerhatian, kebanyakan yang memilih untuk menamatkan pelajaran dalam tempoh 7 tahun dan ke atas terdiri daripada pelajar yang sudah berumur yang memilih untuk menjadikan masa mereka lebih bermakna dengan berada di sekolah pondok.


Carta 4: Status Pengajian Pelajar



Carta 5 di bawah menunjukkan kelulusan yang dimiliki oleh pelajar sekolah pondok yang telah ditemui bual. Seramai 102 orang (58%) mempunyai hanya kelulusan UPSR, diikuti 24 orang (13%) yang memiliki PMR, 41 orang (23%) yang memiliki SPM, 7 orang (4%) memiliki STPM,


dan 3 (2%) orang memiliki STAM. Hal ini kerana, kebanyakan pelajar sekolah pondok yang ditemui bual rata-rata berumur bawah 12 tahun hingga umur 17 tahun. Oleh kerana itu, dapat dikatakan bahawa kebanyakan pelajar belum sempat menduduki peperiksaan di sekolah kerana memasuki sekolah pondok pada usia yang muda dan pemberian tumpuan utama kepada pengajian sekolah pondok yang menjadi tujuan utama mereka.

Carta 5: Kelulusan Pelajar



Carta 6 di bawah menunjukkan kelulusan akademik tertinggi yang dimiliki oleh pelajar pondok yang telah ditemui bual. Hampir keseluruhan pelajar iaitu seramai 156 orang (88%) tidak mempunyai kelulusan akademik di peringkat pengajian tinggi. Ini disebabkan kebanyakan pelajar terdiri daripada golongan muda dan remaja daripada seawal usia bawah 12 tahun sehinggalah usia 17 tahun. Manakala, bagi kelulusan diploma, sarjana muda, dan lain-lain ,diwakili seramai 15 orang (8%), seorang (1%), dan 5 orang (3%) setiap satu.


Carta 6: Akademik Tertinggi Pelajar



Carta 7 di bawah menunjukkan golongan pendorong kepada pelajar untuk memasuki dan belajar di sekolah pondok. Majoriti pelajar iaitu seramai 131 orang (74%) bersetuju bahawa pendorong utama mereka untuk menyertai dan belajar di sekolah pondok ialah diri sendiri. Manakala seramai 43 orang(24%) lagi berpendapat pendorong mereka ialah keluarga, diikuti rakan seramai 2 orang (1%), dan guru seorang (1%). Ini membuktikan bahawa majoriti pelajar sekolah pondok


mempunyai keazaman, keyakinan serta iltizam yang tinggi bagi menyambung pengajian agama Islam berkonsepkan sekolah pondok.

Carta 7: Faktor Pendorong Pelajar



Carta 8 di bawah menunjukkan sektor pekerjaan pelajar sekolah pondok yang ditemui bual. Seramai 101 orang (57%) pelajar tidak bekerja. Manakala, 18 orang (27%) bekerja di sektor kerajaan, 11 orang (6%) bekerja di sektor swasta, dan 47 orang (10%) bekerja sendiri. Keputusan menunjukkan lebih separuh daripada keseluruhan pelajar tidak bekerja kerana majoriti pelajar sekolah pondok merupakan golongan remaja bermula daripada usia bawah 12 tahun hingga ke usia 17 tahun.


Carta 8: Pekerjaan Pelajar



Analisis Pencapaian Kurikulum Tajwid Al-Quran


Terdapat empat aspek yang dikaji berdasarkan pencapaian kurikulum tajwid al-Quran ini iaitu pembelajaran tajwid membolehkan memahami ilmu tajwid dengan baik, pembelajaran tajwid membolehkan membaca al-Quran secara bertajwid, pembelajaran tajwid menjadikan rasa cinta terhadap al-Quran dan pembelajaran tajwid membolehkan membimbing masyarakat (memberi kuliah).

Rajah 1 : Pembelajaran Tajwid Membolehkan Memahami Ilmu Tajwid Dengan Baik




Jika diteliti dari rajah 1, iaitu dari aspek pembelajaran tajwid membolehkan memahami ilmu tajwid dengan baik, hampir keseluruhan responden iaitu 75.7% memilih sangat setuju, 22% memilih setuju, dan selebihnya memilih tidak pasti dan sangat tidak setuju dengan masing-masing sebanyak 1.1%. Selain itu, jika dilihat daripada sisihan piawai iaitu 0.604 dapat disimpulkan bahawa terdapat sebaran jawapan yang sedikit meluas di mana penumpuan jawapan responden adalah agak tinggi bagi jawapan sangat setuju dan setuju.

Rajah 2 : Pembelajaran Tajwid Membolehkan Membaca Al-Quran Dengan Bertajwid




Jika diteliti dari rajah 2, iaitu dari aspek pembelajaran tajwid membolehkan membaca al-Quran dengan bertajwid, hampir keseluruhan responden iaitu 76.3% memilih sangat setuju, 21.5% memilih setuju, dan selebihnya memilih tidak pasti (1.1%), tidak setuju (0.6%), dan 0.6% sangat tidak setuju. Selain itu, jika dilihat daripada sisihan piawai iaitu 0.571 dapat disimpulkan bahawa terdapat sebaran jawapan yang lebih tertumpu di mana penumpuan jawapan responden adalah pada jawapan sangat setuju iaitu sebanyak 76.3%.

Rajah 3 : Pembelajaran Tajwid Menjadikan Rasa Cinta Terhadap Al-Quran



Jika diteliti dari rajah 3, iaitu dari aspek pembelajaran tajwid menjadikan rasa cinta terhadap al-Quran, hampir keseluruhan responden iaitu 80.2% memilih sangat setuju, 18.1% memilih setuju, dan selebihnya memilih tidak pasti dan sangat tidak setuju dengan masing-masing sebanyak 1.1% dan 0.6%. Selain itu, jika dilihat daripada sisihan piawai iaitu 0.516 dapat disimpulkan bahawa terdapat sebaran jawapan yang keseluruhan jawapannya tertumpu pada jawapan sangat setuju iaitu sebanyak 80.2%.

Rajah 4 : Pembelajaran Tajwid Membolehkan Membimbang Masyarakat (Memberi Kuliah)




Jika diteliti dari rajah 4, iaitu dari aspek pembelajaran tajwid membolehkan membimbang masyarakat (memberi kuliah), lebih separuh daripada responden iaitu 53.1% memilih sangat setuju, 35% memilih setuju, dan selebihnya memilih sangat tidak pasti dan sangat tidak setuju dengan masing-masing sebanyak 11.3% dan 0.6%. Selain itu, jika dilihat daripada sisihan piawai iaitu 0.732 dapat disimpulkan bahawa terdapat sebaran jawapan yang meluas di mana responden memilih sangat setuju, setuju dan tidak pasti dengan jumlah yang jurang bezanya tidak begitu jauh serta ketara.

Analisis Kandungan Kurikulum Tajwid


Terdapat tiga aspek yang dikaji berdasarkan kandungan kurikulum tajwid al-Quran ini iaitu kandungan kurikulum tajwid al-Quran sesuai dengan tahap pelajar, kandungan kurikulum kitab merangkumi semua hukum tajwid al-Quran dan kitab tajwid al-Quran menggunakan laras bahasa yang mudah difahami.

Rajah 5 : Kandungan Kurikulum Tajwid Al-Quran Sesuai Dengan Tahap Pelajar




Jika diteliti dari rajah 5, iaitu dari aspek kandungan kurikulum tajwid al-Quran sesuai dengan tahap pelajar, lebih separuh responden iaitu 64.4% memilih sangat setuju, 31.1% memilih setuju, dan selebihnya memilih tidak pasti dan sangat tidak setuju dengan masing-masing sebanyak 3.4% dan 1.1%. Selain itu, jika dilihat daripada sisan piawai iaitu 0.671 dapat disimpulkan bahawa terdapat sebaran jawapan yang sedikit meluas di mana penumpuan jawapan responden adalah agak tinggi bagi jawapan sangat setuju dan setuju.

Rajah 6 : Kandungan Kurikulum Kitab Merangkumi Semua Hukum Tajwid Al-Quran



Jika diteliti dari rajah 6, iaitu dari aspek kandungan kurikulum kitab merangkumi semua hukum tajwid al-Quran, lebih separuh responden iaitu 63.3% memilih sangat setuju, 27.7% memilih setuju, dan selebihnya memilih tidak pasti, tidak setuju dan sangat tidak setuju dengan masing-masing sebanyak 6.8%, 1.7% dan 0.6%. Selain itu, jika dilihat daripada sisan piawai iaitu 0.747 dapat disimpulkan bahawa terdapat sebaran jawapan yang meluas di mana penumpuan jawapan responden adalah tinggi bagi jawapan sangat setuju dan setuju, dan jawapan responden juga tersebar kelima-lima jawapan yang disediakan.

Rajah 7 : Kitab Tajwid Al-Quran Menggunakan Laras Bahasa Yang Mudah Difahami



Jika diteliti dari rajah 7, iaitu dari aspek kitab tajwid al-Quran menggunakan laras bahasa yang mudah difahami, lebih separuh responden iaitu 61.6% memilih sangat setuju, 33.3% memilih setuju, dan selebihnya memilih tidak pasti, tidak setuju dan sangat tidak setuju dengan masing-masing sebanyak 4.0%, 0.6% dan 0.6%. Selain itu, jika dilihat daripada sisihan piawai iaitu 0.656 dapat disimpulkan bahawa terdapat sebaran jawapan yang meluas di mana penumpuan jawapan responden adalah tinggi bagi jawapan sangat setuju dan setuju, dan jawapan responden juga tersebar kelima-lima jawapan yang disediakan.

Kesimpulan

Kesimpulan yang diperolehi hasil daripada analisis dapatan kajian menunjukkan bahawa perlaksanaan kurikulum di sekolah-sekolah pondok di negeri Perak secara umumnya menunjukkan prestasi yang sangat baik dan memuaskan.

Terdapat empat aspek yang dikaji berkaitan pencapaian kurikulum tajwid al-Quran iaitu pembelajaran Al-Quran meningkatkan kefahaman ilmu tajwid, boleh membaca Al-Quran dengan bertajwid, menjadi cinta terhadap Al-Quran dan boleh membimbing masyarakat. Berdasarkan jadual 8 di bawah, dapat dinyatakan bahawa daripada segi aspek pembelajaran al-Quran, jumlah purata skor min adalah tinggi ($\text{min}=4.65$, $s.p=0.605$).

Pembelajaran tajwid al-Quran menjadikan rasa cinta terhadap Al-Quran menunjukkan skor yang paling tinggi ($\text{min}= 4.77$, $s.p= 0.516$), ia diikuti boleh membaca Al-Quran dengan bertajwid ($\text{min}=4.72$, $s.p= 0.571$) meningkatkan kefahaman ilmu tajwid lalu ($\text{min}=4.71$, $s.p=0.604$) serta boleh membimbing masyarakat. ($\text{min}=4.40$, $s.p=0.732$). Keseluruhan data ini menunjukkan bahawa pembelajaran Al-Quran di sekolah-sekolah pondok sangat baik $\text{min}=4.65$ (93%) dan bersesuaian dengan tujuan sekolah pondok khasnya daripada segi kecintaan terhadap Al-Quran.

Terdapat tiga aspek yang dikaji berkaitan kandungan kurikulum tajwid al-Quran iaitu isi kandungan pengajian tajwid al-Quran sesuai dengan tahap pelajar, kandungan kitab yang digunakan merangkumi semua hukum tajwid al-Quran dan kitab tajwid al-Quran menggunakan laras bahasa yang mudah difahami. Berdasarkan jadual 9 di bawah, dapat dinyatakan bahawa daripada segi aspek pengajian tajwid al-Quran, jumlah purata skor min adalah tinggi ($\text{min}=4.54$, $s.p=0.691$).

Kajian kandungan kurikulum tajwid al-Quran daripada segi aspek isi kandungan pengajian tajwid sesuai dengan tahap pelajar menunjukkan skor yang paling tinggi ($\text{min}= 4.57$, $s.p= 0.671$), ia diikuti aspek kajian kitab tajwid al-Quran menggunakan laras bahasa yang mudah difahami ($\text{min}=4.54$, $s.p= 0.656$) dan aspek kandungan kitab yang digunakan merangkumi semua hukum

tajwid al-Quran (min=4.51 ,s.p=0. 0.747). Keseluruhan data ini menunjukkan bahawa pengajian tajwid al-Quran di sekolah-sekolah pondok sangat baik min=4.54 (90%) dan bersesuaian dengan tujuan sekolah pondok khasnya daripada segi isi kandungan pengajian tajwid al-Quran sesuai dengan tahap pelajar.

Rujukan

Al-Quran al-Karim.

- Abdul Hafiz Bin Abdullah, (2001), *Pengajian Tafsir di Pondok-pondok negeri Kelantan : Kajian Khusus Tiga Buah Pondok*, UKM, Bangi
- Abdul Halim Tamuri etl (2004), *Keberkesanan Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam ke Atas Pembangunan Diri Pelajar*. Laporan Penyelidikan: UKM.
- Abdul Rahman Abdullah (1998), *Pemikiran Islam di Malaysia : Sejarah dan Aliran*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah bin Ishak (1995), *Pendidikan Islam dan Pengaruhnya di Malaysia*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abu Daudi (2003), *Maulana Sheikh Muhammad Arsyad al-Banjari (Tuan Haji Besar)*. Martapura : Yayasan Pendidikan Islam Dalam Pagar.
- Ahmad Atory Hussain (1996), *Pengurusan Organisasi*. Utusan Publications & Distributors: Kuala Lumpur.
- Ahmad Jelani bin Halimi (1989), Sistem Pendidikan Melayu (Islam) Tradisional merujuk kepada sistem pendidikan Pondok di Kedah: Asal Usul dan Perkembangannya hingga 1957. Tesis Sarjana Pendidikan USM.
- Azizi Yahaya etl (2003), *Permasalahan Pembelajaran Dalam Mata Pelajaran Teknologi Kejuruteraan: Satu Tinjauan Di Institusi-Institusi Menengah Dalam Daerah Batang Padang, Perak Tengah Dan Hilir Perak*. National Seminar Memperkasakan Sistem Pendidikan, Puteri Pan-Pacific, Johore Bahru, 19-21 Oktober.
- Azman Ismail, Kamsiah Hasbullah, Rizal Abu Bakar dan Mohamed Hashim Othman (2007), *Kesan Pemindahan Pengetahuan, Kemahiran dan Kebolehan ke Atas Amalan Komunikasi Dalam Sistem Mentoring Di Institusi Pengajian Tinggi Awam*. Jurnal Pendidikan dan Pendidikan, Jil. 22.
- Ghazali Darusalam (t.t), *Kesahan dan Kebolehpercayaan Dalam Kajian Kualitatif dan Kuantitatif*. Jabatan Penyelidikan dan Pembangunan, Maktab Perguruan Islam, Bangi.
- Haji Abdullah Ishak, 1995, Pendidikan dan Pengaruhnya di Malaysia, Selangor Darul Ehsan : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ismail Ab. Rahman, 1992, Pendidikan Islam Malaysia, Selangor Darul Ehsan : Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kamarudin Hj. Husin, Siti Hajar, *Pedagogi Asas Pendidikan*, (2011), Kuala Lumpur : Kayazano Ent.
- Omar Bin Abu Khair (2006), Pengajian Tafsir di Institusi Pondok : Kajian Terhadap tiga Buah Pondok di Negeri Kedah, thesis Sarjana Pengajian Islam, Universiti kebangsaan Malaysia.

Pauzi Hj. Awang (1977), Perkembangan Pendidikan Islam di Kelantan, dlm. 10 tahun Yayasan Pengajian Islam Kelantan Nilam Puri, Pustaka Aman Press Sdn. Bhd, Kelantan.

Wan Mohd Shaghir bin Abdullah (2001), *Penyebaran Islam dan Silsilah Ulama Sejagat Dunia Melayu* (Jilid 14). Kuala Lumpur: Persatuan Pengkajian Khazanah Klasik Nusantara dan Khazanah Fathaniyah.